




Sultan Nazrin lancar buku 'Helang Samudera: Perisai Maritim'

SULTAN Perak, Sultan Nazrin Shah semalam berkenan menyempurnakan pelancaran buku 'Helang Samudera: Perisai Maritim', yang diterbitkan bersempena ulang tahun ke-20 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Buku setebal 180 muka surat

itu menggambarkan dedikasi Maritim Malaysia sebagai institusi utama dalam menjaga keselamatan perairan negara.

Buku mewah itu diterbitkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Buku Negara yang memerihalkan naratif

visual berkualiti tinggi dan cerita operasi sebenar yang tidak pernah dikongsi kepada khalayak umum.

Bagi memperluas manfaat dan kesedaran awam terhadap peranan Maritim Malaysia, buku itu akan diedarkan ke perpustakaan seluruh negara, termasuk sekolah dan universiti.

■ **SULTAN** Nazrin Shah berkenan melancarkan buku Helang Samudera pada Majlis Peluncuran Buku Helang Samudera Perisai Maritim Negara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di Putrajaya.

- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA